

SUMBANGAN INFAQ DALAM KALANGAN KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR TERHADAP MASJID AL AZHAR KUIS

Norhanizah Johari
Fakulti Pengurusan Dan Muamalah (FPM)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
norhanizah@kuis.edu.my

Nazifah Mustaffha
Fakulti Pengurusan Dan Muamalah (FPM)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Nazifah@Kuis.Edu.My

Nor Azlina Ripain
Fakulti Pengurusan Dan Muamalah (FPM)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
norazlina.ripain@kuis.edu.my

ABSTRAK

Institusi infaq adalah salah satu tiang kepada sistem ekonomi Islam. Infaq bermaksud membelanjakan harta pada jalan Allah SWT secara umum. Secara khususnya, infaq adalah memberikan harta benda yang bermanfaat kepada orang lain. Setiap sedekah yang melibatkan harta benda adalah infaq. Islam menuntut umatnya memanfaatkan harta ke arah kebaikan. Infaq memerlukan persediaan akal fikiran yang bukan sedikit dan amalan infaq juga tidak dapat dibudayakan tanpa pemeraksanaan nilai-nilai takwa dalam diri seseorang Muslim. Oleh yang demikian, amalan infaq itu sekaligus merupakan persediaan budaya, minda dan rohaniah. Amalan infaq akan membudaya tanpa dipaksa-paksa dan dibuat-buat. Kertas kerja ini mengkaji sumbangan infaq dalam kalangan kakitangan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), khususnya dalam meringankan kos pengurusan Masjid Al Azhar KUIS. Data yang digunakan adalah data sekunder dari Penyata Tabung Infaq KUIS 2013 dan Penyata Akaun Masjid Al Azhar 2013. Hasil daripada analisis data tersebut mendapati hanya sebilangan kecil sahaja kakitangan KUIS yang menyumbang kepada tabung infaq (13.81%) dengan purata sumbangan RM17.80 seorang. Walaupun kutipan agak rendah, namun jumlahnya mampu menampung kos pengurusan dan utiliti Masjid Al-Azhar KUIS.

Kata kunci: Infaq, sedekah, tanggungjawab sosial.

Pengenalan

Masjid merupakan sebuah institusi yang penting kepada umat Islam. Pada zaman Rasulullah SAW, peranan masjid tidak terhad kepada pusat ibadat semata-mata. Sebaliknya, ia memainkan peranan yang luas dan mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan, perluasan agama dan sebagainya (Shaikh Ali Mohamad, 2003) dan (Mohd Yahya et al, 2012). Biasanya masjid mengutip dana melalui tabung derma atau menjalankan kutipan derma daripada orang ramai terutamanya semasa sembahyang Jumaat atau ceramah. Sumbangan juga diperolehi daripada pihak-pihak tertentu seperti kerajaan, institusi bukan kerajaan dan orang perseorangan. Malah terdapat juga masjid yang menerima sumbangan harta fizikal dalam pelbagai bentuk termasuklah peralatan hinggalah tanah dan bangunan yang diwakafkan oleh pihak-pihak tertentu. Salah satu usaha di KUIS untuk menambahkan dana masjid ialah dengan mewujudkan Tabung Infaq kepada kakitangan KISDAR, sekarang dikenali sebagai KUIS (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor) sejak September 2002 lagi. Menurut Bahagian Pengurusan Insan (2013), Tabung Infaq diwujudkan bertujuan untuk membantu menampung kos pengurusan Masjid Al Azhar, KUIS yang semakin meningkat saban tahun.

Pada awal kewujudan tabung ini jumlah potongan pada bulan pertama ialah sebanyak RM160.00 dengan bilangan peserta seramai 14 orang. Jumlah ini kemudiannya meningkat sehingga ke RM1,288 pada Disember 2013 seiring dengan pertambahan bilangan peserta kepada 81 orang (Bahagian Pengurusan Insan, 2014). Tahun 2013 dijadikan kayu pengukur kerana pada tahun ini berlaku anjakan gaji kakitangan pada bulan Julai 2013 di bawah pengurusan baharu KUIS di bawah pimpinan Rektor baharu iaitu Prof. Dato' Abdul Halim Tamuri . Oleh itu pengkaji berhasrat mengkaji:

1. berapakah peratusan peserta yang membuat potongan bagi tabung infaq ini sepanjang 2013?
2. berapakah jumlah potongan tabung infaq ini sepanjang 2013?
3. bagaimana Tabung Infaq ini membantu meringan bebanan kos pengurusan Masjid Al Azhar, KUIS?

Untuk tujuan ini, pengkaji akan menggunakan maklumat dari penyata potongan Tabung Infaq dan Penyata Akaun Masjid Al Azhar, KUIS bagi 2013 untuk mencapai objektif yang telah dinyatakan. Di harap kajian ini terus menyuntik semangat berinfaq dalam kalangan kakitangan KUIS demi melestarikan tanggungjawab sosial juga menjadikan KUIS sebagai *Mini House of Sadaqah* hatta khususnya meringankan bebanan kos pengurusan Masjid Al Azhar yang semakin meningkat.

Sorotan Kajian

Dalam al-Quran, kalimah infaq disamakan maksudnya dengan nafkah. Antaranya Allah SWT menyebut perkataan infaq dan nafkah sebanyak 49 kali dalam al-Quran. Banyak ayat al-Quran yang menyentuh mengenai budaya infaq ini yang mana ia mempunyai kaitan yang sangat erat dengan takwa. (Antaranya, ayat 215 surah al-Baqarah). Saad bin Abi Waqas r.a. menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

Nafkah (infak) yang kamu berikan semata-mata kerana Allah nescaya diberi pahala oleh Allah; bahkan apa yang kamu berikan untuk makanan isteri kamu (perbelanjaan rumahtangga) juga akan diberi pahala oleh Allah (Hadis Riwayat-Bukhari).

Sabda "Rasulullah SAW "Bukankah Allah telah menjadikan untukmu sesuatu yang dapat disedekahkan? Setiap tasbih adalah sedekah, setiap tahmid adalah sedekah, setiap tahlil adalah

sedekah, menyuruh pada kebaikan adalah sedekah, melarang kemungkaran adalah sedekah, dan hubungan jima' kalian (dengan isteri) adalah sedekah (HR. Muslim).

"Senyumanmu untuk saudaramu adalah sedekah" (H.R. Bukhari Kitab Adab). Rasulullah s.a.w pernah menyatakan bahawa perbuatan makruf dapat menghakiskan kejahatan; sedekah atau infaq yang disumbangkan secara sembunyi boleh memadam murka Tuhan; dan menghubungkan silaturrahim boleh memanjangkan umur.

Sedekah adalah perbuatan baik yang memberikan manfaat bagi diri sendiri dan orang lain. Mankala **Infaq** adalah memberikan harta benda (materi) yang bermanfaat kepada orang lain. Jadi, infaq itu termasuk sedekah tapi sedekah itu boleh jadi bukan infaq. Untuk bersedekah tak perlu ada harta tapi untuk melakukan infaq perlu ada harta (Khutbah Jumaat 17 Jun 2011).

Sedekah adalah salah satu instrumen kewangan dan ekonomi Islam yang mempunyai ciri-ciri yang fleksibel dan berbentuk sukarela. Ia boleh dianggap sebagai satu instrumen penyokong dan pelengkap (*supportive and complementary instrument*) bagi instrumen-instrumen yang wajib dalam Islam seperti zakat, nafkah, kaffarah dan lain-lain. Kesan positif sedekah tidak dapat digambarkan dalam bentuk nombor atau kuantiti kerana ia bukan sahaja meliputi kesan ekonomi dan kewangan, bahkan meliputi kesan kerohanian, sosial, keberkatan dan lain-lain. Ia menitikberatkan kaedah-kaedah *infaq* atau kaedah/seni perbelanjaan Islam. Maka, pelbagai kaedah yang berbentuk wajib digariskan dalam Shariat Islam seperti nafkah tanggungan, *kaffarah*, *dam*, nazar dan lain-lain, atau sunat seperti sedekah, hadiah, waqaf, hibah dan lain-lain. Ia juga meletakkan garis panduan bagi mengelakkan perbelanjaan atau *infaq* yang haram (Abdullaah Jalil & Muhamad Muda, 2008).

Islam memberi perhatian dan penekanan kepada kebajikan umum merentasi keperluan dan kepentingan individu. Budaya *infaq* berfungsi sebagai penyokong kepada pembentukan komuniti masyarakat yang mendokong kepada nilai kesaksamaan dan adil, seperti yang dituntut oleh agama Islam (Ibn Taymiyah, 1985). Infaq adalah salah satu cara membelanjakan kekayaan (Mustafa Omar, 2011). Mustafa Omar (2011) telah menghasilkan model infaq tiga tingkat iaitu Model Infaq berdasarkan Tingkatan Al Kasb Al Shaybani yang mengkaji hubungan antara kekayaan dan perbelanjaan. Dapatan kajian tersebut menyatakan kekayaan mempunyai hubungan langsung dengan perbelanjaan. Oleh itu setiap orang adalah bertanggungjawab terhadap masyarakat dengan mengagihkan pendapatan/kekayaan kepada yang memerlukan agar keseimbangan pendapatan dan kekayaan dalam masyarakat.

Dalam kerangka agama Islam, orientasi material yang bersifat tunggal tidak dianggap sebagai kemuncak kepada kejayaan seseorang individu. Sebaliknya, apa yang menjadi keutamaan tanggungjawab kepada individu Muslim iaitu dapat memberi manfaat atau sumbangan untuk memperkasa agama dan pembangunan insan. Secara amnya didapati bahawa elemen infaq seperti yang diutarakan oleh Islam merupakan sebahagian daripada mekanisme terbaik yang boleh menyumbang kepada pembangunan insan yang holistik sifatnya. Amalan infaq yang dihayati tersebut merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial yang perlu ditunaikan oleh setiap individu Muslim berdasarkan kepada kemampuan, kepakaran dan ketaqwaan yang dimiliki oleh setiap individu Muslim (Shuhairimi Abdullah, 2013).

Satu prinsip yang perlu dipegang dalam perkara berkaitan amalan-amalan sunat ialah: Maksudnya: "Perkara tambahan (yang sunat)/sukarela itu lebih luas berbanding perkara yang wajib/fardhu (al-Suyuthi, 1998). Al-Sheikh Ali al-Jumu'ah (2000) dan Kahf (2008) menyatakan infaq atau sedekah dalam istilah yang umum mempunyai beberapa makna iaitu pertama, sedekah yang diwajibkan oleh Shara' ke atas harta (Zakat harta atau *al-amwal*); kedua, sedekah yang diwajibkan oleh Shara' ke atas (badan) individu (Zakat fitrah atau *al-abdan*); ketiga sedekah yang diwajibkan oleh seseorang ke atas

diri sendiri (sedekah yang wajib kerana nazar); keempat, sedekah yang diwajibkan kerana hak Allah SWT seperti fidyah dan kaffarah; dan kelima sedekah secara sukarela yang disunatkan oleh Shara'.

Enam perkara asas yang perlu dielakkan oleh seorang Muslim dalam *infaq* adalah menurut Al-Misri (2000) dan Al-Jurjani (2007), antaranya: membelanjakan harta dalam perkara yang haram (*Al-Tabdhir*), berlebih-lebihan (melampau) berbelanja dalam perkara yang harus (*Al-Israf*), menyempitkan ruang infaq kurang daripada yang sepatutnya (*Al-Taqtir*), kedekut untuk menginfaq harta miliknya (*Al-Bukhl*), kedekut untuk menginfaq harta miliknya atau milik orang lain ke arah kebajikan dan kebaikan (*Al-Shuhh*) dan tidak melaksanakan kewajipan harta seperti mengeluarkan zakat (*Kanz al-mal*).

Infaq atau sedekah sangat mudah dilakukan. Ia terbuka sepanjang tahun untuk menerima sumbangan yang boleh dibuat dalam pelbagai bentuk dan jenis harta serta boleh diagihkan secara lebih meluas dalam pelbagai bidang tanpa syarat-syarat yang ketat. Selain itu, tiada jumlah maksimum atau minimum bagi sumbangan dan kesinambungannya tidak bergantung kepada mana-mana individu (Abdullaah Jalil & Muhamad Muda, 2008).

Bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kutipan zakat, infaq dan sadaqah. Mujiyati, Bagus dan Muhammad (2010) mengkaji bagaimana promosi, bilangan jaringan kerja dan waktu mempengaruhi kutipan ini di *Lazis Al Ihsan-Central of Java*, Indonesia. Didapati ketiga-tiga faktor ini mempunyai hubungan signifikan dengan jumlah kutipan selain faktor-faktor lain yang tidak dikaji.

Secara amnya, walaupun infaq/sedekah hukumnya adalah sunat, tetapi ia memberi sumbangan yang besar kepada ummah terutamanya dalam memenuhi tanggungjawab sosial yang sangat dituntut oleh Islam. Walaupun ia mudah dilaksanakan dan dijanjikan ganjaran yang besar di sisi Allah, tetapi tanpa persediaan akal fikiran dan pemerksaan nilai-nilai takwa dalam diri seseorang Muslim, amalan infaq tidak mampu dibudayakan (Shuhairimi Abdullah, 2013).

Dapatan Kajian


Jadual 1 – Analisis Penyata Tabung Infaq, KUIS pada 2013

Bil	Bulan	Bil Kakitangan (Orang)	Bil Peserta Infaq (Orang)	Jumlah Infaq (RM)	Peratus Peserta (%)	Purata Infaq (RM seorang)
1	JANUARI	642	85	1,681.00	13.24	19.78
2	FEBRUARI	638	85	1,681.00	13.32	19.78
3	MAC	641	86	1,726.00	13.42	20.07
4	APRIL	636	86	1,436.00	13.52	16.70
5	MEI	629	86	1,481.00	13.67	17.22
6	JUN	632	86	1,481.00	13.61	17.22
7	JULAI	630	85	1,441.00	13.49	16.95
8	OGOS	628	85	1,461.00	13.54	17.19
9	SEPTEMBER	558	82	1,468.00	14.70	17.90
10	OKTOBER	560	82	1,468.00	14.64	17.90
11	NOVEMBER	555	76	1,288.00	13.69	16.95
12	DISEMBER	546	81	1,288.00	14.84	15.90
	JUMLAH			17,900.00		

(Sumber: Bahagian Pengurusan Insan, Oktober 2014)

Hasil daripada analisis Penyata Tabung Infaq KUIS 2013 yang diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Insan (Oktober 2014), mendapati purata kakitangan yang menjadi peserta Tabung Infaq ialah hanya 13.81% iaitu purata seramai 84 orang daripada 607 orang kakitangan (Jadual 1 – Analisis Penyata Tabung Infaq, KUIS pada 2013). Peratusan ini dianggap rendah memandangkan KUIS adalah salah satu institusi pengajian tinggi Islam yang kakitangannya dianggap sentiasa subur dengan budaya zakat, wakaf, infaq dan sedekah. Bagaimanapun kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada situasi ini.

Rajah 1 - Siri Masa: Peratus Peserta Infaq dan Purata Amaun Infaq



Manakala bacaan analisis siri masa yang diperolehi menunjukkan purata amaun infaq peserta semakin menurun walaupun berlaku sedikit turun naik bilangan atau amaun infaq peserta walaupun secara tidak konsisten (Rajah 1- Siri Masa: Peratus Peserta Infaq dan Purata Amaun Infaq). Purata amaun infaq tertinggi ditunjukkan pada bulan Mac 2013 iaitu sebanyak RM1,726 dengan 86 peserta. Amaun ini menurun dan meningkat secara tidak konsisten sehinggalah pada Disember 2013 hampir berlaku pertemuan antara kedua-dua peratusan peserta dan purata amaun infaq. Pada pendapat penyelidik turun naik yang tidak konsisten ini adalah disebabkan ada antara peserta yang menarik diri atau menamatkan perkhidmatan di KUIS dan pertambahan peserta baharu dengan amaun potongan infaq yang pelbagai.

Jadual 2 –Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid Al Azhar, KUIS pada Januari – Mei 2013

MASJID AL-AZHAR, KUIS PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI JANUARI HINGGA MEI 2013			
		RM	RM
Pelbagai Penerimaan (dengan Tabung Infaq)			87,943
Pelbagai pembayaran			(87,725)
Lebihan penerimaan atas perbelanjaan			218
Pelbagai Penerimaan (tanpa Tabung Infaq)		(87,943- 8,005)	79,938
Pelbagai pembayaran			(87,725)
Lebihan penerimaan atas perbelanjaan			(7,787)

(Sumber: Masjid Al Azhar KUIS, September 2014)

Jadual 3 – Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid Al Azhar, KUIS pada Jun – Disember 2013

MASJID AL-AZHAR, KUIS PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI JUN HINGGA DISEMBER 2013			
		RM	RM
Pelbagai Penerimaan (dengan Tabung Infaq)			199,871
Pelbagai pembayaran			(197,046)

Lebih penerimaan atas perbelanjaan		2,825
Pelbagai Penerimaan (tanpa Tabung Infaq)	(199,871– 10,055)	189,816
Pelbagai pembayaran		(197,046)
Lebih penerimaan atas perbelanjaan		(7,230)

(Sumber: Masjid Al Azhar KUIS, September 2014)

Daripada Jadual 2 dan Jadual 3 di atas didapati dengan penerimaan sumbangan Tabung infaq ke dalam akaun Masjid Al Azhar, maka pihak masjid tidak menghadapi sebarang masalah dengan perbelanjaan masjid. Bagaimanapun tanpa penerimaan sumbangan Tabung Infaq ini, maka pihak masjid akan mengalami masalah dalam menyelesaikan / melunaskan perbelanjaan masjid. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa, sumbangan Tabung Infaq oleh kakitangan KUIS adalah amat besar kepada pihak Masjid Al Azhar terutamanya dalam membantu meringankan perbelanjaan pengurusan masjid yang semakin meningkat.

Kesimpulan

Analisis awal ini menunjukkan bilangan peserta yang terlibat dengan potongan Tabung Infaq KUIS ini adalah rendah dan berlaku turun naik bilangan peserta atau amaun infaq secara tidak konsisten. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan sumbangan Tabung Infaq oleh kakitangan KUIS adalah amat besar kepada pihak Masjid Al Azhar. Tanpa sumbangan tabung infaq ini pasti pihak Masjid Al Azhar akan menghadapi masalah yang besar dalam melunaskan kos perbelanjaan pengurusan masjid yang semakin meningkat. Di harap budaya berinfaq ini terus subur dibudayakan dalam kalangan kakitangan KUIS. Dalam masa yang sama, usaha berterusan harus dilakukan untuk mempromosikan Tabung Infaq ini demi meningkatkan bilangan peserta dan amaun infaq ini.

Rujukan

Mustafa Omar Mohammed (2011), Economic Consumption Model Revisited: *Infaq* Based on *Al-Shaybani's* Levels of *Al-Kasb*, International Journal of Economics, Management & Accounting, Supplementary Issue 19: 115-132, The International Islamic University Malaysia.

Monzer Kahf (2008), *Infaq in the Islamic Economic System* – tanpa tarikh.

Shuhairimi Abdullah (2013), *Memperkasakan Pembangunan Insan Melalui Amalan Infaq*, *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(2) November 2013.

Abdullaah Jalil & Muhamad Muda (2008) , PENGURUSAN DANA SEDEKAH SECARA SISTEMATIK: ANALISA PERANAN INSTITUSI KERAJAAN DAN SWASTA, *Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, JAWHAR*.

Mujiyati, Bagus Rudhiyoko, Muhammad Sholahuddin (2010), SOME INFLUENCE FACTORS OF ZAKAH-INFAQSHADAQAH COLLECTING (CASE IN SURAKARTACENTRAL JAVA-INDONESIA), *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi*.

Mohd Yahya Mohd Hussin (2012), Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak , Nurul Fadly Habidin, Syed Ismail Syed Mohamad, *Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak*, *Fakulti Pengurusan*

dan Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris, PROSIDING PERKEM VII, JILID 2 1274 – 1286 ISSN: 2231-962X Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)

Khutbah Jumaat 17 Jun 2011: “Amalan Wakaf dan Kepentingannya dalam Kehidupan”
Jabatan Agama Islam Selangor.

Abu Bakar Yang, Sedekah bukan mesti dengan harta, Utusan Malaysia, Arkib 09/10/2007.

Utusan Malaysia, Infaq, Sedekah dan Zakat, Arkib 14/10/2011.

(Hadis Riwayat-Bukhari).

Penyata potongan Tabung Infaq, Bahagian Pengurusan Insan , KUIS (2013).

Penyata Akaun Masjid Al Azhar, KUIS (2013).